

# Modal Insan Melayu: Iktibar dari Persuratan

Misran Rokimin  
Zubir Idris

## ABSTRAK

Dalam budaya masyarakat manusia mana sekalipun membina modal insan adalah bermula dengan membangunkan pemikirannya. Daripada pembangunan pemikiran inilah akan terbangun tamadun sesebuah bangsa tersebut. Sejarah membuktikan tamadun Islam berkembang menerusi wahyu apabila Al-Quran diturunkan. Tamadun Barat pula melalui ilmu retorik oleh para pemikir mereka seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Sementara tamadun Melayu gabungan daripada Al-Quran dan ilmu persuratannya seperti pantun, perbilangan, perumpamaan dan sebagainya. Sebab itu ramai para sarjana berpendapat untuk membangunkan modal insan itu perlu bermula sejak di sekolah hingga ke universiti menerusi ilmu persuratannya. F.R. Leavis umpamanya (1972) menerusi bukunya *Education and the University* telah menganjurkan bahawa pengkajian ilmu persuratan (kesusasteraan) sepatutnya menjadi pengkajian semua pengetahuan yang diajar di universiti. Hal ini disebabkan bahawa pengkajian kesusasteraan jauh lebih penting demi meninggikan peradaban bangsa daripada pengkajian kejuruteraan (vokasional). Selepas daripada itu barulah pembelajaran sains dan teknologi itu disampaikan. Atas alasan tersebut, pendidikan ilmu persuratan perlu diangkat dalam membina modal insan yang berupaya membuka ruang pemikiran yang luas seperti dinyatakan oleh Taib Othman (1994), manusia yang tidak menjadi alat untuk melaksanakan sesuatu, tetapi manusia yang mempunyai pengetahuan melakukannya.

Kata Kunci: Modal insan, ilmu persuratan, peradaban, pemikiran, sains dan teknologi.

## ABSTRACT

In any cultures, human capital is developed through the initial building of thinking. With the development of thinking, the civilization of a nation would be further built. History has shown that the Islamic civilization is revealed through Allah's revelation or words in the Al-Quran. The Western civilization is spread through rhetoric knowledge by the western thinkers such as Socrates, Plato and Aristotle. The Malay civilization, however, is expanded through the combination of Al-Quran and the Malay literature such as poem, proverb, idiom and others. Many scholars believe that human capital development should be established from school to university level through the knowledge of literature. F.R. Leavis (1972) in his book *Education and the University*

states that the studies of literature knowledge should be the studies of all other field of knowledge taught in the university. The studies of literature are more significant than the studies of vokasional in the effort of enhancing the nation civilization. This is then followed by the studies of science and technology. Science and technology provide the related skills for human to enter certain fields. It is, therefore, the literature or letters education should be elevated in developing the broad-minded human capital as stated by Taib Othman (1994), who are not the tools of actions but knowledgeable human capital in performing actions.

Keywords: human capital, literature/letter knowledge, civilization, thinking, science and technology.

## Pendahuluan

Dalam budaya masyarakat manusia mana sekalipun membina modal insan adalah bermula dengan membangunkan pemikirannya. Daripada pembangunan pemikiran inilah akan terbangun tamadun sesebuah bangsa tersebut. Sejarah membuktikan tamadun Islam berkembang menerusi wahyu apabila Al-Quran diturunkan. Tamadun Barat pula melalui ilmu retorik oleh para pemikir mereka seperti Socrates, Plato dan Aristotle. Sementara tamadun Melayu gabungan daripada al-Quran dan ilmu persuratannya seperti pantun, perbilangan, perumpamaan dan sebagainya. Sebab itu ramai para sarjana berpendapat untuk membangunkan modal insan itu perlu bermula sejak di sekolah hingga ke universiti menerusi ilmu persuratannya. F.R. Leavis umpamanya (1972) menerusi bukunya *Education and the University* telah menganjurkan bahawa pengkajian ilmu persuratan (kesusasteraan) sepatutnya menjadi pengkajian semua pengetahuan yang diajar di universiti. Ini disebabkan bahawa pengkajian kesusasteraan jauh lebih penting demi meninggikan peradaban bangsa daripada pengkajian kejuruan (vokasional). Selepas daripada itu barulah pembelajaran sains dan teknologi itu disampaikan. Sains dan teknologi merupakan bidang kejuruan yang sifatnya memang menyediakan kemahiran-kemahiran khas kepada manusia melayakkan mereka untuk memasuki bidang-bidang tertentu. Atas alasan tersebut, pendidikan ilmu persuratan perlu diangkat dalam membina modal insan yang berupaya membuka ruang pemikiran yang luas seperti dinyatakan oleh Taib Othman (1994), manusia yang tidak menjadi alat untuk melaksanakan sesuatu, tetapi manusia yang mempunyai pengetahuan melakukannya.

Hasil khazanah kesusasteraan Melayu tradisional banyak sekali merakamkan sejarah perkembangan pemikiran, peradaban dan tamadun

bangsa Melayu, sepertimana juga khazanah kesusasteraan dunia yang lain. Pengisian-pengisian di dalamnya merupakan cerminan peradaban dan tamadun Melayu, terutama dalam memperkatakan tentang ketinggian akal budi bangsanya, yang seterusnya dapat dimanfaatkan dalam pembinaan modal insan. Modal insan ini adalah merujuk kepada keupayaan manusia memaksimumkan kapasiti diri dalam mencapai matlamat yang terbaik dalam segala aspek kehidupan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang didapati daripada ajaran Islam.

Salah satu nilai modal insan yang terakam dalam hasil kesusasteraan Melayu tradisional ialah ketaatan kepada pemimpin. Berdasarkan karya-karya tersebut, rakyat diseru dan dituntut supaya melaksanakan hak dan kewajibannya untuk mentaati pemimpin. Persekitaran masyarakat Melayu tradisi yang mengamalkan sistem feodal telah dimanfaatkan oleh pengarang-pengarang silam dengan menggunakan karya mereka sebagai wahana pendidikan dalam membentuk acuan masyarakat yang bersahsiah tinggi dan memiliki ciri-ciri modal insan yang cemerlang.

Begitu juga dengan pengarang-pengarang zaman moden, mereka mencipta watak-watak yang ditampilkan menerusi novel adalah manusia unggul yang boleh dijadikan teladan kepada pembaca. Watak-watak tersebut membawa manfaat kepada manusia lain sama ada perwatakannya yang Islamik, mempunyai ilmu keterampilan dalam berbagai bidang ilmu dan tentu yang paling diharapkan adalah hubungan baik dengan Allah dan hubungan yang baik juga sesama manusia.

Makalah ini akan membicarakan bagaimana pengarang-pengarang tradisional menerusi syair, pantun, hikayat dan pengarang moden menerusi novel atau cerpen, mengangkat kepentingan modal insan terhadap negara atau masyarakat sekelilingnya yang boleh memberikan manfaat kepada manusia sejagat.

## Konsep Modal Insan dari Perspektif Islam

Dalam makalah ini hanya menyentuh konsep modal insan dari perspektif Islam. Walaupun dari perspektif Barat pernah diketengahkan oleh Gary S. Becker (2006), namun penulis hanya menyentuh berdasarkan perspektif yang hampir dengan budaya hidup masyarakat Melayu. Banyak penulisan tentang modal insan ini dikemukakan dalam buku, jurnal, makalah dilihat daripada berbagai perspektif, Islam, Melayu dan Barat, namun ia menjurus kepada menghasilkan manusia yang berkualiti dari segi rohani dan jasmani.

Berdasarkan perspektif Islam banyak ayat al-Quran yang membicarakan insan yang baik di sisi Allah. Dua ayat yang diambil sebagai contoh, pertama ayat 13 Surah *al-Hujarat* yang bermaksud:

Hai manusia, sesungguhnya kami menjadikan kamu dari laki-laki dan perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang bertakwa. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi dalam pengetahuannya.

Ayat kedua daru Surah *Ali Imran* ayat 112 yang bermaksud:

Mereka itu ditimpa kehinaan di mana mereka berada, kecuali dengan tali (agama) dari Allah dan tali (perdamaian) dari manusia.

Inti pati daripada kedua-dua ayat ini manusia yang baik itu adalah pertama insan yang bertakwa iaitu insan yang patuh mengikut ajaran dan suruhannya dan meninggalkan larangannya. Kedua, insan yang mempunyai hubungan baik sesama manusia tanpa mengira agama, keturunan dan warna kulit. Dua ayat di atas (banyak ayat lain lagi) boleh dijadikan landasan ciri-ciri insan yang boleh dijadikan model modal insan sempurna. Sehubungan dengan itu menurut Zulkiflee Haron *et al.* (2006) memberikan lima ciri insan yang sempurna yang diteladani daripada para Rasul iaitu:

1. Berfungsi sebagai abid dan khalifah Allah SWT.
2. Manusia perlu menjaga kemuliaan dan menjadi model untuk manusia lain.
3. Menggunakan keupayaan sebagai cara untuk proses menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran.
4. Mengambil pedoman dari pelanggaran kepada ajaran Rasul serta melakukan kerosakan sebagai sebab untuk mendapat balasan Allah SWT.
5. Pembangunan insan memiliki ciri-ciri muttaqin, syakirin, mukminin dan ikhlas.

Demikian menurut perspektif Islam yang menekankan bahawa dalam membangunkan modal insan, ilmu agama dan cara hidup Muslim itu perlu dititikberatkan. Justeru meskipun seseorang itu mempunyai ilmu duniawi yang unggul seperti seorang doktor, jurutera, arkitek, pengamal undang-undang, usahawan berjaya dan sebagainya pegangan tali agama itu perlu kuat dan padu agar semuanya akan menjadi tenaga pekerja yang baik yang diterima oleh Islam.

## Teks-teks Zaman Tradisional: Ketaatan Rakyat Terhadap Pemimpin dalam Karya Kesusasteraan Melayu Tradisional

Dalam karya kesusasteraan Melayu tradisional, raja/sultan digambarkan menduduki hierarki tertinggi dalam sistem stratifikasi sosial masyarakat Melayu. Raja/sultan dikatakan mempunyai keistimewaan, kuasa, dan menjadi sumber kekuatan dalam menentukan arah tuju kehidupan masyarakat. Hal ini adalah kerana kepercayaan masyarakat Melayu yang berteraskan bahawa pemimpin mempunyai daulat dan tulah yang menuntut mereka meletakkan taat setia yang tidak berbelah bahagi. Hal ini seterusnya menjelaskan dan memberi jaminan betapa rakyat jelata akan sentiasa bersedia bersama-sama dengan pemimpin demi mempertahankan institusi pemerintahan yang mereka dukungi.

Waadat di antara Sang Sapurba dengan Demang Lebar Daun seperti yang dikisahkan dalam teks *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu) telah memberi implikasi yang penting dalam masyarakat Melayu tradisional dan seterusnya mendasari corak hidup masyarakat Melayu tradisional. Merujuk kepada waadat tersebut, Mohammad Haji Yusuf mengatakan, “kepatuhan dan ketaatsetiaan manusia Melayu itu menjadi sesuatu yang seakan-akan semula jadi. Selagi wujud sistem raja-rakyat maka selagi itulah berterusan fenomena patuh dan taat setia itu.” *Sulalatus Salatin* ada merakamkan akibat apabila berlakunya pelanggaran terhadap perjanjian yang dimeterai antara raja dan rakyat, yang akan diterima oleh kedua-dua belah pihak sekiranya ingkar terhadap waadat tersebut (Peristiwa Sang Rajuna Tapa melakukan pembelotan terhadap raja).

Peri pentingnya manusia Melayu taat setia kepada rajanya turut disentuh dalam kebanyakan karya-karya prosa sejarah Melayu. *Hikayat Hang Tuah* misalnya adalah antara epos Melayu yang sangat terkenal dalam mengangkat darjat manusia Melayu yang taat setia kepada pemimpinnya. Pengabdian Hang Tuah sebagai wira yang diangkat dalam hikayat ini dinukilkan sebegitu rupa oleh pengarang lantaran adanya hubungan kesetiaan rakyat kepada pemerintah. Prinsip yang dipegang oleh Hang Tuah yakni “tiada adat hamba Melayu menderhaka kepada raja” menunjukkan bahawa raja dipercayai mempunyai daulat, dan seseorang yang menentang raja dapat dianggap sebagai mencabar kedaulatan raja.

Berdasarkan watak Hang Tuah dan Sang Rajuna Tapa itu tadi, maka dapat difahami betapa sifat taat setia rakyat kepada pemimpinnya menjadi tunjang dalam sistem kehidupan masyarakat Melayu. Konsep

‘pantang derhaka’ atau dengan makna lain, tidak khianat kepada raja menjadi satu dogma dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini adalah kerana tertanamnya kepercayaan dalam jiwa orang Melayu bahawa raja mempunyai ‘daulat’ atau kuasa yang boleh memberi dampak yang besar dalam perlakuan sikap masyarakat mereka.

Dalam Kitab *Nasihah al-Muluk* pula, Imam al-Ghazali mengatakan bahawa semua orang yang beriman wajib mengasihi raja, kerana raja orang yang dipilih oleh Allah SWT untuk menjadi pemerintah di dunia. Raja yang telah dipilih laksana “bayangan Tuhan di dunia.” Sebaliknya, orang tidak harus berasa dengki atau cemburu terhadap segala keistimewaan yang dimiliki oleh raja. Pemilihan raja atau pemerintah adalah atas kekuasaan Allah SWT dan setiap orang harus menerima serta mematuhi ketentuan Allah SWT Hal berkenaan dinyatakan oleh Imam al-Ghazali seperti yang berikut:

Maka seyogianya bahawa diketahui bahawa barang siapa yang diberi Allah Taala akan dia akan pangkat kerajaan dan dijadikan akan dia bayang-bayang-Nya di bumi, maka bahawasanya wajiblah atas segala makhluk itu mengasih akan dia. Dan wajib mereka itu mengikut akan dia dan bakti kepadanya. Dan tiada harus bagi mereka itu dengki akan dia dan membantah akan dia...

Nasihah agar rakyat mematuhi perintah raja turut mendapat perhatian Nuruddin al-Raniri dalam Bab III *Bustan al-Salatin*. Menurutny, setiap orang wajib (fardu) mengikut perintah raja. Rakyat yang tidak menurut perintah raja dianggap sebagai penderhaka. Sesiapa pun yang menjadi pemerintah, hatta seorang yang hamba yang rendah keturunannya, harus dipatuhi dan ditaati oleh rakyat. Pandangan Nuruddin al-Raniri ini disokong pula dengan petikan beberapa hadis dan kata para ulama. Antara hadis tersebut adalah seperti yang berikut:

Barang siapa mati itu dan tiada diketahuinya dan tiada dikenalnya akan raja pada masanya itu maka sanya ia mati dengan kematian yang derhaka. Dan barang siapa mati tiada pada batang lehernya suatu perjanjian maka matilah ia dengan kematian yang derhaka.

Barang siapa berbuat bakti akan raja serasa berbuat bakti akan daku, dan barang siapa berbuat bakti akan daku serasa ia berbuat bakti akan Allah, maka masuklah ia ke dalam syurga. Dan barang siapa berbuat derhaka akan raja maka serasa ia derhaka akan daku, dan barang siapa berbuat derhaka akan daku serasa ia derhaka akan Allah Taala, maka masuklah ia ke dalam neraka.

Kupesan bagi kamu dengan takut akan Allah Taala dan kamu dengar barang kata raja kamu, dan ikut oleh kamu akan dia jika ia sahaya yang Habsyi sekalipun (*Bustan al-Salatin*).

Selain daripada karya-karya yang telah dinyatakan, gambaran rasa taat setia rakyat terhadap pemimpin juga diabadikan pengarang dalam syair-syair perang. *Syair Perang Mengkasar* misalnya memperlihatkan bagaimana tertanamnya rasa keterikatan taat setia yang tidak berbelah bahagi antara raja dan rakyat. Hal ini dapat dilihat daripada sambutan yang diberikan rakyat kepada pemerintah sebaik-baik sahaja mengetahui ketibaan pihak musuh iaitu Belanda di Makasar. Hal ini dirakamkan dalam rangkap-rangkap syair berikut:

Segala ra'jat jang melihat  
 Ada jang suka ada jang dahsat  
 Sekalian ra'jat berkampung musjawarat  
 Masuk mengadap duli hadrat. (r.41)

Daeng dan Kare masuk ke dalam  
 Mengadap duli makota 'alam  
 Berkampunglah segala kaum Islam  
 Menantikan titah Sjahi 'alam. (r.42)

Rangkap-rangkap syair di atas memperlihatkan komitmen yang diberikan oleh rakyat Makasar kepada sultan mereka. Seluruh kalangan rakyat digambarkan telah berkumpul untuk berbincang dengan pemimpin mereka, malah hanya menunggu titah perintah daripada sultan untuk bertindak menghadapi pihak musuh. Kesiapsiagaan yang ditunjukkan oleh rakyat Makasar ini menjelaskan betapa utuhnya ikatan taat-setia yang wujud antara raja dan rakyat.

Selain itu, teks juga merungkaikan bahawa adanya ikatan sumpah taat-setia antara raja dan rakyat telah membekalkan kekuatan dan semangat yang ampuh dalam kalangan pahlawan Makasar dalam perjuangan mereka menentang pihak musuh. Hal ini dapat dilihat berdasarkan beberapa rangkap syair berikut:

Akan sembah Datu' Seri Amar Diradja  
 Patik pun seorang hamba jang sahadja  
 Tuanku titahkan pada barang kerdja  
 Mohonlah patik memalingkan durdja. (r.63)

Setelah habis sekalian bertjakap  
 Semuanja beratur duduk mengadap  
 Ketjil dan besar hatinja tetap  
 Karena anak radja-radja sekalian bertjakap. (r.66)

Dengan sesa'at putus musjawarat  
 Baginda pun kembali beristirahat  
 Setelah berkampung sekalian ra'yat  
 Menantikan titah maka berangkat. (r.158)

Berkandjar itu di hadapan Sultan  
 Sekalian ra'jat dan pahlawan  
 Gembira sangat hendak melawan  
 Keraeng Djaranika jang diturutkan. (r.455)

Rangkap-rangkap syair di atas antara lain memperlihatkan akan kesediaan rakyat untuk menggempur musuh demi menunjukkan taat setia yang jitu kepada rajanya. Frasa-frasa seperti "Setelah berkampung sekalian ra'yat ... menantikan titah maka berangkat," "Tuanku titahkan pada barang kerdja ... mohonlah patik memalingkan durdja" memerihalkan bagaimana rakyat jelata pahlawan-pahlawan Makasar menunjukkan kesediaan mereka untuk berbakti demi menjunjung kasih terhadap rajanya.

Berdasarkan huraian dan contoh-contoh yang telah diberikan, dapat dilihat betapa mengakarnya sifat taat setia yang tertanam antara raja dan rakyat. Beberapa konsep yang telah dijelaskan seperti 'waadat', 'pantang derhaka' dan 'daulat' menjadi asas yang kukuh dalam menghubungkan-eratkan hubungan antara kedua-dua golongan ini. Adanya institusi yang akrab antara raja-rakyat ini secara tidak langsung menjadi salah satu faktor yang membantu kepada pembangunan negara yang makmur dan sejahtera.

## Teks Zaman Moden

Setelah meneliti gambaran modal insan daripada teks-teks tradisional seperti dalam *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan syair yang dibincangkan di atas, berikut gambaran modal insan yang terdapat dalam karya kreatif zaman moden. Teks yang dianalisis adalah sebuah novel berjudul *Salam Maria* karya Fatimah Busu.

Novel *Salam Maria* dibina daripada cerpen, *Perkembalian Seorang Maria Zaitun* yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Al-Isra'* (1985). Sebelum itu dengan judul *Hijrah* telah disiarkan secara bersiri dalam majalah *Horizon*, Jakarta pada tahun 1982. Watak Maria Zaitun adalah satu figura yang diambil daripada Maria Zaitun dalam sajak W.S.Rendra *Nyanyian Angsa*.

Maria Zaitun ialah watak utama dalam novel *Salam Maria* yang

menjadi mangsa fitnah oleh masyarakat sekitarnya sebagai pelacur. Fitnah tersebut menjadikan dia manusia yang lebih bertawaduk' kepada Allah. Untuk mengelakkan daripada terus difitnah dia merantau dari satu tempat ke satu tempat dan jika berkesempatan singgah di masjid yang ditemuinya untuk menunaikan kewajipan terhadap Tuhannya. Tekadnya hanya satu iaitu untuk mengabdikan dirinya terhadap Allah bagi mendapatkan keredaannya.

Pada suatu hari ketika berjalan-jalan di pekan kecil bernama Beringin, dia bertemu seorang tua yang buta dengan tiga orang gadis bersamanya yang berumur lingkungan belasan tahun. Setelah berkenalan, orang tua buta itu bernama Kimbung Tua dan tiga orang cucunya itu bernama Tasnim, Salsabil dan Kauthar. Kedatangan mereka di pekan kecil itu untuk menuai akar-akar kayu, dan sayur-sayuran kampung. Maria Zaitun meminta kebenaran untuk mengikut mereka pulang ke kampung mereka iaitu kampung Beringin. Kampung ini letaknya tiga kilometer masuk ke dalam hutan dari lebuah raya Timur-Barat. Setelah tinggal di kampung itu Maria Zaitun memperlihatkan ketokohnya dengan membimbing komuniti kampung itu yang semuanya tinggal di rumah kongsi yang dikosongkan oleh pekerja balak. Maria Zaitun mengajar mereka ilmu fardu ain, fardu kifayah bagi melengkapkan mereka dengan ilmu akhirat.

Bagi memantapkan sumber ekonomi, Maria Zaitun mendidik mereka cara berniaga dengan lebih teratur. Bagi menyediakan infrastruktur di kawasan tempat tinggal, Maria Zaitun berikhtiar menyediakan tandas curah, mengalirkan air dari bukit dengan membina pancuran air yang dibuat dari buluh untuk disalurkan ke rumah agar tidak diganggu binatang buas. Bagi memudahkan untuk solat berjemaah mereka membina surau serta membina pagar mengelilingi tempat tinggal mereka. Mereka juga diajar oleh Maria Zaitun menyediakan makanan yang berkhasiat. Maria Zaitun amat disanjung dan disayangi oleh komunitinya kerana membawa mereka menikmati kehidupan yang sempurna. Setelah kematiannya akibat sakit yang banyak menghilangkan darah, komuniti di rumah kongsi yang sudah semakin ramai, benar-benar merasai kehilangannya. Bagi mereka Maria Zaitun seorang insan yang baik, tulus ikhlas, berilmu dan pandai dalam menguruskan kehidupan seharian mereka sehingga mereka menjadi manusia yang boleh mengenal Tuhan dan tulis baca.

Berdasarkan sinopsis yang diberikan di atas watak Maria Zaitun seorang yang istimewa. Dia mempunyai hubungan baik dengan Allah dan hubungan baik dengan manusia. Dengan ilmu yang ada padanya dia berjaya merubah masyarakat kampungnya menjadi manusia yang kuat beriman kepada Allah dan melepaskan mereka daripada kehidupan yang


gelap yang tidak mengetahui selok-belok agama dan kehidupan dunia yang perlu menguasai kebolehan membaca dan menulis.

## Hubungan Maria Zaitun Dengan Allah

Ia bermula daripada doanya:

Terimalah taubatku ya Allah ... terimalah taubatku ya Allah. Sesungguhnya aku benar-benar bertaubat di atas mana-mana jua perbuatan yang melanggar perintah-Mu. Aku benar-benar bertaubat kepada-Mu ya Allah dengan sebenar-benar taubat nasuha. Aku berjanji tidak akan melakukan apa-apa juga yang melanggar perintah dan larangan-Mu selama hidupku nanti. (*Salam Maria*: 183).

Untuk mendapatkan keredaan Allah Maria Zaitun sentiasa mendampingi Allah dengan banyak mengerjakan amal ibadat daripada amalan yang wajib sehinggalah amalan sunat. Ia boleh digambarkan seperti Rajah 1 berikut:




RAJAH 1 Hubungan dengan Allah

Rajah 1 menjelaskan gambaran perjalanan hidup seharian Maria Zaitun yang sentiasa mendampingi Allah dengan melakukan amalan wajib dan sunat untuk mendapatkan keredaan Allah. Inilah contoh wanita yang mempunyai kekuatan dalaman yang berusaha mendekatkan dirinya agar menjadi wanita solehah sepertimana yang dituntut Allah sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat di atas pada awal tulisan ini iaitu, 'sesungguhnya orang yang termulia di antara kamu di sisi Allah ialah mereka yang bertakwa'. Untuk mencapai insan bertakwa itulah menjadi matlamat hidup Maria Zaitun seperti yang diungkapkannya, 'Ya Allah, ya Rabbi,' kata Maria Zaitun perlahan-lahan. 'takdirkanlah akan azamku ini. Aku hanya mahu membuktikan bahawa aku benar-benar menjadi seorang hamba-Mu yang taat yang sentiasa memperbaiki dan menambahkan ibadat untuk-Mu' (*Salam Maria*, hlm. 419).

## Hubungan Baik Maria Zaitun dengan Manusia

Tugasnya sebagai manusia tidak hanya melakukan ibadat kepada Allah. Ada tanggungjawab sosial yang perlu dilaksanakan. Maria Zaitun, dengan kemampuan pemikirannya bersungguh-sungguh berusaha membangunkan minda membantu kehidupan masyarakat tempat dia tinggal. Sebagai seorang yang berbudi, kerana tidak diterima oleh masyarakat kota yang menuduhnya seorang pelacur lalu tinggal bersama Kimbung Tua di kampung Beringin, Maria Zaitun berusaha membantu masyarakat kampung Hutan Beringin yang begitu jauh ketinggalan kehidupan sosial mereka. Maria Zaitun mendidik mereka memahami tentang agama, kepentingan ilmu, menjaga keselamatan dan kebersihan, berurusan jual beli dan sebagainya. Dengan sedikit pengetahuan agama yang ada dapatlah dia mendidik masyarakat kampung tersebut.

Penduduk Hutan Beringin yang merupakan sebuah komuniti kecil terdiri daripada Kimbung Tua yang buta, tiga orang cucu: Tasnim, Salsabil dan Kauthar serta dua orang wanita orang asli Makkik Ijuk, dan Makkik Lang dan seorang lagi wanita Makkik Jarah. Bagi membalas budi mereka Maria Zaitun bekerja keras untuk membantu kehidupan orang-orang ini dengan keupayaan yang ada. Rajah 2 berikut memperlihatkan gerak kerja yang dilakukan oleh Maria Zaitun terhadap komuniti kampung Beringin ini.



RAJAH 2 Hubungan dengan manusia

Lima tugas yang dipikul oleh Maria Zaitun yang dirasakan amat berat dilaksanakan tetapi berkat kesabaran, ketabahannya semuanya dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini menyerlahkan lagi watak Maria

Zaitun yang dibina dengan begitu teliti oleh pengarang. Walaupun pada peringkat awal dia menghadapi banyak rintangan tetapi dengan kesungguhan akhirnya dia berjaya menjadi insan mulia. Bukan itu sahaja malahan Maria Zaitun menjadi aset amat penting yang akhirnya berjaya merubah kehidupan komuniti tempat di mana dia telah diterima menjadi anggotanya.

Manusia berkualiti seperti Maria Zaitun yang bertakwa menyerahkan kehidupannya semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah. Di samping itu dia tidak mengabaikan tanggungjawabnya kepada masyarakat yang perlukan bimbingan. Walaupun dengan ilmu yang terhad namun Maria Zaitun terus gigih yang memberi erti kehidupan di dunia ini. Jelasnya Maria Zaitun memenuhi konsep modal insan yang dituntut oleh Islam, yang mempunyai ketahanan diri cukup ampuh, memiliki daya intelektual yang tinggi yang membolehkan dia menabur bakti kepada masyarakatnya.

## Rumusan

Karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional dan moden adalah satu hasil nukilan masyarakat yang secara langsung menggambarkan kebudayaan Melayu dan bertunjangkan Islam, yang sarat dengan nilai etos, pemikiran dan falsafah masyarakat yang menciptanya. Nilai taat-setia kepada pemimpin oleh rakyat adalah antara nilai utama yang didukung masyarakat Melayu. Tulisan ini telah menjelaskan sikap taat kepada pemimpin ini telah mewujudkan persefahaman dan perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat Melayu yang digambarkan dalam teks-teks yang dikaji: tradisional dan moden. Pemilikan nilai positif dan mulia seperti yang ditunjukkan oleh masyarakat yang diteliti ini seharusnya dicontohi, malah dijadikan sebagai teras dalam melahirkan insan yang bertanggungjawab terhadap Tuhan, pemimpin dan manusia biasa. Dalam konteks masyarakat Malaysia pada hari ini, hal ini menjelaskan betapa sikap taat setia kepada pemerintah dan adil kepada masyarakat bawahan di samping menjaga hubungan baik dengan Allah adalah merupakan satu elemen penting dalam proses pembinaan modal insan dan sahsiah diri yang baik, yang seterusnya jadi pemangkin dalam proses melahirkan kemakmuran negara, bersesuaian dengan prinsip Rukun Negara, yang menuntut rakyat percaya kepada Tuhan, memberikan kesetiaan Kepada Raja dan Negara (Raja dan rakyat berpisah tiada) dan menjaga kesopanan dan kesusilaan banyak diungkapkan menerusi karya-karya tradisional dan moden.

## Rujukan

- Becker, G.S. 2006. Human Capital. <http://www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html>.
- Fatimah Busu. 2004. *Salam Maria*. Rawang: Absolute Press.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Yunus (t.t.) Tafsir Quran Karim. Singapore: Tawakal Trading.
- Mohamad Haji Yusuf. 1991. Hubungan Antara Kelompok: Rujukan Kepada Buku *Sejarah Melayu. SARI (Jurnal Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu)* 9(7). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Skinner, C. 1963. *Syair Perang Mengkasar (The Rhymed Chronicle of the Macassar War) by Entjik Amin*. VKI (40).
- Zulkiflee Haron *et al.* (2006). Dakwah para Rasul sebagai model pembangunan insan menurut Al-Quran. Dlm. Ahmad Zaki Ibrahim@Ibrahim *et al.* (ed.). *Prosiding Seminar Tamadun Islam tentang Pembangunan Modal Insan*. Seminar anjuran Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, pada 22 -27 Julai 2006 di Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

